

22 MAY 2003

MAHATHIR-KADAR/I

BANK PATUT BERI PINJAMAN LEBIH MURAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bank kini patut menawarkan pinjaman yang lebih murah kerana kadar campur tangan bank pusat telah dikurangkan 50 mata asas.

Beliau juga berkata bank tidak sepatutnya bimbang "kadar yang lebih rendah akan menyempitkan keuntungan mereka kerana ia tidak menjelaskan keuntungan mereka."

"Bank beroperasi mengikut selisih (kadar)," katanya apabila diminta mengulas tentang kebimbangan institusi kewangan mengenai keuntungan mereka berikutan pengurangan kadar campur tangan yang berkuatkuasa semalam.

Dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, di sini, Dr Mahathir yang merupakan menteri kewangan dan presiden UMNO, berkata: "Saya tidak nampak bagaimana mereka akan mendapat keuntungan yang lebih rendah atau pendapatan lebih rendah. Sama sahaja.

"Jika anda menetapkan kadar pada 6.0 peratus, mereka akan menambah 3.0 peratus dan jika anda menetapkan pada 5.0 peratus, mereka akan menambah juga," katanya.

Semalam, Dr Mahathir mengumumkan potongan 50 mata asas dalam campur tangan ketika membentangkan pakej ekonomi RM7.3 bilion yang bermatlamat untuk memantapkan ekonomi negara. Pakej itu, antara lain, mengandungi langkah-langkah untuk merangsang penggunaan domestik.

Kadar campur tangan adalah kadar di mana Bank Negara Malaysia (BNM) menguruskan tahap kecairan harian di pasaran antara bank. Berikutan potongan 50 mata asas itu, BNM kini akan campur tangan di pasaran pada 4.5 peratus berbanding 5.0 peratus sebelum ini.

Kadar campur tangan juga menjadi antara komponen dalam penentuan kadar berian pinjaman asas (BLR) bank dan syarikat kewangan.

Oleh itu, apabila kadar campur tangan dikurangkan 50 mata asas atau 0.5 peratus, BLR juga akan turun. Para penganalisis berkata pengurangan 50 mata asas dalam kadar campur tangan akan mengurangkan 40 mata asas dalam BLR.

Hasilnya, had siling BLR bagi bank perdagangan dikurangkan kepada 6.0 peratus daripada 6.42 peratus, sementara had siling BLR syarikat kewangan dikurangkan kepada 6.94 peratus daripada 7.46 peratus.

Ini juga bermakna, institusi kewangan harus mengubahsuai kadar berian pinjaman dan kadar deposit dengan pengurangan kadar campur tangan ini.

Bagaimanapun, BNM menjelaskan hari ini bahawa pengubahsuaian kadar deposit sepatutnya kurang daripada pengubahsuaian dalam BLR. Pasaran tidak sepatutnya menjangkakan kadar deposit sebulan berada di bawah 3.0 peratus dan pengubahsuaian lain sepatutnya tidak lebih daripada 30 mata asas, tambahnya.

Dr Mahathir berkata pengurangan kadar tidak memberi kesan ke atas keuntungan bank. "Jika ianya 12.0 peratus atau 9.0 peratus, bank mendapat keuntungan dari selisih kadar dan keuntungan akan sama sahaja.

"Sebab itulah kita katakan ia (pengurangan kadar ini) tidak boleh digunakan oleh bank sahaja, tetapi ia patut memberi manfaat kepada para peminjam (dari segi pinjaman yang lebih murah)," katanya.

Malayan Banking Bhd (Maybank), kumpulan perbankan terbesar negara, adalah yang pertama mengumumkan ia merendahkan BLR iaitu kepada 6.0 peratus berkuatkuasa hari ini daripada 6.4 peratus sebelumnya.

Kumpulan-kumpulan perbankan lain yang dipercayai sedang menyelaraskan kadar-kadar mereka, dijangka membuat pengumuman yang serupa tidak lama

lagi. -- BERNAMA  
WNZ/SM MR JR